



**KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
(KOBOPEM) BERHAD**

**ATURAN-ATURAN TABUNG PENDIDIKAN
KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
(KOBOPEM) BERHAD**

TAJUK

1. (1) Aturan-aturan ini dinamakan “Aturan-Aturan” Tabung Pendidikan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad.
- (2) Aturan-aturan Tabung Pendidikan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad. selepas ini disebut sebagai “aturan-aturan”.
- (3) Aturan-Aturan ini adalah diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(3) dan 49(2)(v) Koperasi ini dan dikuatkuasa selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

ALAMAT

2. Alamat atau pejabat Tabung Pendidikan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad ini adalah seperti alamat berdaftar Koperasi.

TAFSIRAN

3. Di dalam aturan-aturan ini melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Anak” bermakna:

- (i) Anak kepada anggota.

- (ii) Anak angkat yang dipelihara secara sah.
- (iii) Anak tiri anggota.

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga untuk mengelola Tabung.

“Tabung” ertinya Tabung Pendidikan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad.

TUJUAN

4. Tujuan Tabung ini adalah untuk:

- (1) Memberi galakan kepada anak-anak anggota dalam meningkatkan pelajaran mereka.
- (2) Memberi sumbangan kewangan kepada anak anggota yang cemerlang di dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- (3) Penghargaan Koperasi kepada anggota.

KEWANGAN TABUNG

5. Kewangan Tabung diperolehi dari:

- (1) 2% dari keuntungan bersih koperasi tiap-tiap tahun.
- (2) Derma dan sumbangan dari anggota perseorangan, badan-badan luar atau syarikat.
- (3) Usaha-usaha lain yang dibuat dengan menggunakan wang daripada Tabung Pendidikan.
- (4) Wang dari Tabung ini boleh dilaburkan mengikut syarat dari Akta Koperasi. Hasil pelaburan ini hendaklah dikreditkan semula ke dalam Tabung.
- (5) Lain-lain cara yang diluluskan oleh Lembaga.

KELOLAAN WANG

6. (1) Tabung ini hendaklah ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga. Ahli Jawatankuasa ini hendaklah terdiri dari Ahli Lembaga yang dilantik.
- (2) Tabung ini hendaklah mempunyai akaun sendiri yang ditadbir oleh Jawatankuasa.
- (3) Kira-kira Tabung hendaklah diselenggara oleh Bendahari dan diperiksa oleh pemeriksa kira-kira atau Juruaudit Dalam Koperasi.
- (4) Penyata kira-kira Tabung hendaklah disediakan secara berasingan.

TAHUN KEWANGAN

7. Tahun kewangan Tabung hendaklah bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember setiap tahun.

PEMBERIAN BANTUAN DAN KELAYAKAN

8. Lembaga boleh membuat keputusan untuk memberikan bantuan kepada anak anggota apabila menerima permohonan melalui borang yang disediakan:
 - (1) Jumlah bantuan yang dikeluarkan setiap tahun akan ditentukan oleh Jawatankuasa dengan kelulusan Lembaga
 - (2) Jumlah bantuan akan dibahagikan mengikut permohonan yang diluluskan oleh Jawatankuasa berdasarkan kategori peperiksaan dan pencapaian seperti berikut:


<u>Kategori Peperiksaan</u>	<u>Pencapaian</u>	<u>Jumlah bantuan (RM)</u>
SPM/STM/SVM	6A KE ATAS	RM 150
STPM	POINTER 3.5 KE ATAS	RM 200
Matrikulasi	POINTER 3.5 KE ATAS	RM 200

Anggota tidak boleh menuntut bantuan ini sebagai haknya. Segala keputusan dari Jawatankuasa dan Lembaga adalah muktamad.


PERMOHONAN

9. Permohonan untuk mendapat bantuan ini hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan. Permohonan hendaklah dibuat tidak melebihi 12 bulan dari tarikh keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.
 - (1) Pengesahan sijil dan keputusan peperiksaan hendaklah disahkan oleh Ketua Balai atau Ketua Jabatan (mana yang berkaitan).
 - (2) Setiap permohonan bantuan hanya layak untuk satu kategori sahaja.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi pada 3 September 2020



(Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Wahid)
Pengerusi



(Nordin bin Pauzi)
Anggota Lembaga